

'ISLAH DAN PENGHAYATAN INTEGRITI'

Sumbangan: Institut Integriti Malaysia

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثِيَ وَهُوَ
مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ. أَشْهَدُ
أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّذِي بَيْنَ
الرِّسَالَةِ وَأَدَى الْأَمَانَةِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَأَصْحَابِهِ وَذُرِّيَّتِهِ الطَّاهِرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita memanfaatkan kudrat dan kesihatan yang dikurniakan untuk terus mempertingkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala laranganNya . Mudah-mudahan hidup kita akan lebih berjaya serta diberkati dan dirahmati Allah SWT di dunia dan di akhirat . Mimbar hari ini akan membincangkan tajuk khutbah '**ISLAH DAN PENGHAYATAN INTEGRITI**'.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Konsep Islah

Kamus Idris Marbawi memberikan pengertian islah sebagai kebaikan atau pembaikan. Dalam konteks yang lebih luas islah membawa makna perubahan ke arah kebaikan. Oleh yang demikian pengertian ini bukanlah suatu yang asing kepada kebanyakan daripada kita. Walaupun islah atau perubahan boleh di lihat daripada pelbagai perspektif, seperti perubahan dari satu tempat ke satu tempat lain, perubahan dalam profesion atau pekerjaan atau mungkin juga perubahan daripada satu ideologi kepada ideologi lain. Namun apa yang hendak dikupas dalam khutbah kali ini adalah konsep islah yang membawa makna perubahan atau transformasi dari suatu keadaan yang buruk kepada suatu keadaan yang lebih baik dan sempurna.

Keperluan kepada Islah/transformasi

Sebenarnya islah atau perubahan itu sendiri adalah fitrah semulajadi insan. Setiap individu pasti akan mengalami perubahan/islah. Perkara yang sudah pasti ialah perubahan daripada segi umur, biologi, fizikal mahupun minda dan kebijaksanaan. Namun apa yang lebih penting dan menjadi keutamaan atau awlawiyat adalah perubahan sahsiah setiap individu kepada suatu keadaan yang lebih baik khususnya melalui penghayatan sifat mahmudah dan integriti yang merupakan ciri-ciri akhlak mulia yang sangat dituntut oleh agama Islam.

Sahsiah atau peribadi unggul hanya dapat dibina melalui pengorbanan atau mujahadah dan semangat yang kental untuk berubah. Dalam hal ini, Allah SWT memberikan peringatan dan motivasi yang tepat melalui Surah Al-Baqarah ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّبٌ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ...

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang hendak dituju, oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan...”.

Melihat kepada senario masyarakat hari ini yang telah menampakkan pelbagai tanda–tanda ketempangan seperti krisis rumahtangga, budaya fitnah, rasuah, penyelewengan dan pelbagai gejala sosial yang lain menuntut semua pihak termasuk individu supaya segera membuka mata dan minda seterusnya bertekad melakukan perubahan sebelum ‘nasi menjadi bubur’. Oleh yang demikian kita tidak mempunyai pilihan kecuali bertekad untuk berubah menjadi insan yang kamil, yang berjaya di dunia dan akhirat serta mendapat keredaan Allah SWT.

Memang fitrah manusia inginkan kemajuan dalam kerjaya, kecukupan material, kebahagiaan dan kesejahteraan disamping keberkatan hidup berkeluarga. Lebih dari itu, orang yang berakhlak dan berintegriti lazimnya akan juga memperolehi pelbagai bentuk pengiktirafan dan penghormatan walaupun tidak mengharap atau meminta. Apa pun semua perubahan ini memerlukan persediaan rapi dan iltizam serta ikhtiar yang berterusan daripada setiap individu kerana Allah SWT tidak akan membantu mereka yang tidak bersedia untuk berubah sebagaimana firmanNya:

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ...

Maksudnya: “...Sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri...”. (Surah Ar-Ra’d: 11)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Persamaan dengan Konsep Hijrah

Islah dan penghayatan integriti boleh mengambil semangat atau spirit konsep hijrah yang menjadi penanda aras dan merupakan peristiwa penting dalam tamadun Islam. Hijrah juga adalah suatu proses bagaimana Rasulullah mempersiapkan asas dan landasan terbaik untuk membolehkan kebaikan Islam yang merupakan satu-satunya ad-Din (agama tauhid) yang diiktiraf oleh Allah SWT, dapat disebarkan dan disebar di bumi Allah. Bahagian penting daripada proses ini adalah penyucian diri (tazkiatun nafs), membersihkan sifat syirik dan segala penyakit hati yang merosakkan tauhid dan nilai kemanusiaan. Proses ini membolehkan manusia berhijrah daripada zaman kegelapan kepada cahaya yang menyuloh kehidupan, dari zaman jahiliah kepada zaman ilmu yang merungkai kekusutan dan kejahilan dan daripada kezaliman kepada keadilan yang membentuk akhlak dan tamadun tinggi manusia.

Demikianlah penghayatan integriti yang mengajak kita supaya meninggalkan semua sifat-sifat negatif atau mazmumah seperti membazirkan masa, boros, ponteng kerja, tidak menepati janji, suka menangguk kerja sehingga membawa kepada perkara yang lebih serius seperti penipuan, rasuah, penyelewengan, salah laku dan salahguna kuasa. Orang yang berintegriti bukan sahaja memastikan diri dan keluarganya menjauhi segala sifat-sifat mazmumah di atas, bahkan akan sentiasa berusaha mengamalkan sifat-sifat mahmudah yang terangkum sebagai akhlak mulia yang dituntut oleh Islam.

Imam Ghazali memperincikan sebahagian akhlak mulia sebagai penyabar, lemah lembut, bersyukur, redha, ikhlas, murah hati, berkata benar, selain jujur, amanah dan bertanggungjawab. Walaubagaimana pun Al-Ghazali akhirnya menyimpulkan bahawa kebagusan akhlak itu adalah iman dan keburukan akhlak itu adalah sifat nifaq (munafik).

Dalam hubungan ini sebuah Hadith Al-Hakim diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA menjelaskan yang bermaksud, Rasulullah saw berkata:

“Kemuliaan seorang mukmin terletak pada penghayatan agamanya, harga dirinya terletak pada kecerdasan akal fikirannya, dan kehormatannya terletak pada kebaikan budi pekertinya (akhlaknya)”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Penghayatan Integriti dalam Konteks Akhlak

Integriti boleh difahamkan sebagai melakukan sesuatu amal atau perbuatan atau pekerjaan dengan betul pada setiap masa dan setiap tempat walaupun tidak dilihat oleh orang. Namun, harus diingat walau pun tiada siapa melihat, kita tetap diperhatikan oleh Allah SWT melalui wakilnya **malaikat Raqib** dan **Atiq** yang sentiasa berada di kanan dan kiri kita untuk melaksanakan tugas merekodkan amalan baik dan buruk yang kita lakukan pada setiap ketika. Integriti yang merupakan sifat mahmudah yang akan menjadikan setiap pengamalnyamenjadi pendukung dan menghayati seluruh ciri dan komponen akhlak mulia sebagaimana tuntutan sunnah sehingga kumpulan ini mendapat jaminan dan ganjaran daripada Allah SWT sebagaimana Hadith riwayat At-Tarmizi bermaksud:

Rasulullah SAW ditanya oleh Abu Bardah Bin Niar tentang akhlak, Rasulullah SAW berkata: *“Demi Allah yang nyawaku di dalam kekuasaanNya, tidak masuk syurga selain orang yang bagus akhlak”*.

Demikianlah sifat integriti yang akan membantu, mendorong dan menjadikan pengamalnya menjadi seorang yang berbudi pekerti mulia dan dalam konteks pekerjaan akan menjadikan seorang mukmin yang berprestasi tinggi kerana menurut Al-Ghazali orang yang memiliki pekerti mulia itu sedikit bicara, lidah banyak yang benar, banyak pembaikan, kuat bekerja, tidak berdengki dan mencintai pada jalan Allah. Dengan demikian jika prinsip-prinsip integriti dan akhlak Islam itu benar-benar dapat difahami, maka setiap daripada kita akan hanya terdorong dan bermotivasi untuk melaksanakan dan melakukan perkara-perkara yangbermenafat untuk diri, keluarga, organisasi dan masyarakat sehingga kita akan menjadi manusia seperti yang disebut oleh Rasulullah SAW sebagaimana riwayat Al-Qudha’i:

“Sebaik-baik manusia ialah yang banyak memberi manfaat kepada orang lain”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pengajaran

Berdasarkan khutbah hari ini, beberapa pengajaran boleh diteliti dan diperhalusi sebagai panduan untuk kita memanfaatkan baki umur yang cukup bernilai ini.

Pertama: Fitrah Manusia akan Berubah: Suka atau pun tidak manusia akan tetap berubah disebabkan pelbagai faktor yang berada di persekitaran kita sendiri. Oleh itu kita hendaklah sentiasa memohon pertolongan Allah SWT disamping usaha yang berterusan supaya apa juga perubahan yang akan berlaku pada diri kita, biarlah kearah yang bertambah baik dan semakin sempurna berbanding sebelumnya.

Kedua: Integriti adalah Akhlak Islam: Selain memahami prinsip-prinsip akhlak Islam, adalah lebih baik jika kita juga mendalami terminologi ‘integriti’ dalam konteks universal kerana dengan itu mungkin dapat membantu kita berhujah dan berdakwah dengan rakan-rakan khususnya yang bukan Islam.

Ketiga: Perubahan memerlukan Pengorbanan: Setiap perubahan yang kita ingin lakukan sudah pasti akan menghadapi pelbagai ujian dan cabaran. Cabaran tersebut mungkin datang dari nafsu sendiri, keluarga, atau mungkin rakan-rakan. Oleh yang demikian setiap perubahan terutama perubahan ke arah kebaikan akan sentiasa memerlukan mujahadah (pengorbanan) termasuk masa, tenaga, pemikiran dan yang lebih penting pengorbanan untuk mendidik hati dan jiwa kita sehingga tunduk patuh kepada perintah-perintah Allah SWT.

Kempat: Jadilah Manusia yang Bermanfaat: Hakikatnya hanya manusia yang bertauhid, melaksanakan syariat dan berakhlak mulia mampu menjana kebaikan kepada orang lain. Inilah mukmin yang mutaqqin, yang sentiasa bercita-cita melaksanakan kewajipan dan tanggungjawabnya kepada Allah SWT dan manusia sejagat. Kebaikan yang dimaksudkan adalah dalam konteks duniawi dan ukhrawi. Semoga hasrat untuk menjadi manusia yang berintegriti akan dilorongkan oleh Allah SWT menjadi hamba-Nya yang benar-benar mukmin lagi mutaqqin.

Kelima: Rasulullah SAW adalah contoh terbaik manusia berintegriti: Umat manusia amat bertuah kerana Allah SWT telah melahirkan seorang manusia/hamba yang menjadi pemimpin, pembimbing serta contoh teladan terbaik daripada pelbagai aspek. Rasulullah SAW adalah tokoh universal dan global yang dikagumi oleh seluruh manusia yang rasional dan sempurna aqal. Micheal Hart seorang tokoh orientalis dalam bukunya 100 The Most Influential Person in History meletakkan Nabi Muhammad SAW dalam senarai pertama dengan komennya:

“My choice of Mumammad to lead the list of the world’s most influential person may surprise some readers and may be questioned by others, but he was the only man in history who was supremely successful on both religious and secular levels”.

Terjemahan: *“Pemilihan saya Muhammad sebagai pemimpin yang paling berpengaruh mungkin menghairankan banyak pembaca dan dipersoalkan orang ramai, tetapi baginda adalah satu-satunya manusia yang paling berjaya dalam bidang keagamaan dan keduniaa.”.*

Mudah-mudahan peringatan ini akan menjadikan kita hamba Allah SWT yang lebih beriman dan bertaqwa seterusnya berupaya melaksanakan perintah-perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya demi kebaikan di dunia dan akhirat.

بَارِكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah